

## PENERAPAN ILMU WAHYU DALAM KURIKULUM MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1

**Mazdi Marzuki<sup>1</sup>, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim<sup>2</sup>, Muhammad Akramin  
Kamarul Zaman<sup>3</sup>, Mohd Syarifudin Abdullah<sup>4</sup> & Rosmiza Mohd Zaino<sup>5</sup>**

*Fakulti Sains Kemusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>1,3,4</sup>*

*Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>2,5</sup>*

*mazdi@fsk.upsi.edu.my<sup>1</sup>*

### ABSTRAK

Geografi merupakan satu disiplin ilmu yang terdapat dalam kurikulum di sekolah. Subjek ini adalah subjek wajib di peringkat menengah rendah manakala di peringkat menengah atas pula subjek ini adalah subjek elektif. Kandungan ilmu dalam geografi merangkumi elemen kemahiran, geografi fizikal dan manusia. Ilmu geografi amat berguna kepada manusia dan berlaku dalam persekitaran kehidupan manusia. Sehubungan itu, amat sesuai jika semasa mengajar subjek geografi guru boleh menerapkan ilmu wahyu kepada pelajar. Melalui penerapan ilmu wahyu dalam subjek geografi ini membolehkan pelajar mengetahui bahawa alam ini amat terkait dengan Islam. Artikel ini memaparkan potensi ilmu wahyu yang boleh diperkenalkan dalam kurikulum geografi Tingkatan 1. Kaedah kajian melibatkan kajian teks yang merangkumi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Al-Quran. Tema-tema geografi dalam DSKP akan diselarakan dengan ayat-ayat yang terdapat dalam Al Quran. Dapatan kajian mendapati amat banyak perkaitan antara tema-tema geografi dengan ilmu wahyu yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Diharapkan dengan penerapan ilmu wahyu dalam mata pelajaran ini menjadi satu wadah baharu dalam membentuk pelajar yang madani dan pengetahuan.

Kata kunci: ilmu wahyu, geografi, penerapan, mata pelajaran, tingkatan 1

### ABSTRACT

Geography is one of the disciplines of science in school curriculum. It is a compulsory subject at the lower secondary level and is an elective subject at upper secondary level. The contents of geography consist of skill element, physical and human geography. Geography is extremely useful to human and it actually happen in the environment of human life. Through the implementation of revealed knowledge in geography subject will enable the students to understand that this universe extremely related to Islam. This article show the potential aspect of revealed knowledge which can be introduced in the curriculum of geography in standard 1. The library research method was used in this research through textual study which includes the Standard Curriculum and Evaluation Document (SCED) and the Quran. The geographical terms in (SCED) will be synchronized with verses in the Quran. Research findings found that there are a lot of relations between the geographical terms and revealed knowledge that can be used in school teaching and learning process. Hopefully with the implementation of revealed knowledge in this subject will be one of the new platforms in educating the civilize and knowledgeable students.

Keywords: revealed knowledge, implementation, geography, subject, standard 1.

### PENGENALAN

Geografi adalah ilmu yang mempelajari tentang bumi. Secara ringkasnya disiplin ilmu memerihalkan tentang bumi sebagai tempat ruang dan tempat manusia hidup. Geografi berasal dari dua patah perkataan daripada bahasa Yunani iaitu kata nama geo yang bermaksud bumi

dan “grafis” bermakna penerangan atau pemerihalan. Disiplin ilmu ini merangkumi elemen geografi fizikal dan geografi manusia. Disiplin ilmu ini yang dinamik sifatnya mengkaji tentang organisasi ruangan sebagai hasil daripada pelbagai saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar serta unsur-unsur alam. Pemahaman konsep dan generalisasi tentang proses dan interaksi pelbagai fenomena ini menjadi asas kepada kajian geografi. Seseorang itu boleh memahami bentuk fizikal dan budaya setiap tempat dan perkaitannya dengan unsur alam sekitar di permukaan bumi melalui ilmu geografi.

Pada masa kini (pada tahun 2019), mata pelajaran geografi terbahagi kepada dua kurikulum iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM digunakan oleh pelajar di tingkatan 1, 2 dan 3 manakala KBSM yang merupakan kurikulum lama masih digunakan kepada pelajar di tingkatan 4 hingga 5. Mata pelajaran geografi merupakan mata pelajaran wajib di peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) manakala di peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) mata pelajaran geografi ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif. Sukatan mata pelajaran geografi KBSM diperkenalkan dan digunakan di sekolah mulai tahun 1989. Pada tahun 1999 mata pelajaran geografi seperti semua mata pelajaran lain mula disemak dan diguna pakai pada tahun 2003. Pada masa kini, mata pelajaran geografi Tingkatan 1, 2 dan 3 adalah kurikulum geografi yang baharu. Kurikulum ini adalah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan secara berperingkat mulai tahun 2017.

Pada peringkat sekolah rendah, komponen geografi diajar melalui mata pelajaran Alam dan Manusia mulai tahun 1982, kemudian digantikan dengan mata pelajaran Kajian Tempatan mulai 1985. Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum juga mula didedahkan kepada murid dan guru mulai 1991. Penerapan elemen alam sekitar apabila dihayati oleh pelajar memberi sumbangan yang bermakna dalam membentuk rakyat yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan memastikan kelestarian alam sekitar.

Dalam Islam ilmu dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu ilmu wahyu dan ilmu akal. Ilmu wahyu adalah ilmu yang tertinggi yang datang secara terus dari Allah Taala yang diberikan kepada Rasul dan Nabi. Ilmu wahyu dicatatkan dalam kitab suci orang Islam yang dinamakan Al-Quran. Ilmu wahyu adalah punca ilmu bagi orang Islam sebagai panduan khususnya berkaitan dengan aqidah, hukum syarak, halal dan haram serta tidak ketinggalan dalam aspek menguruskan alam. Sehubungan itu penerapan ilmu wahyu dalam subjek Geografi merupakan inisiatif yang baik bagi mengintegrasikan ilmu wahyu dengan ilmu bersifat dunia.

## **MATLAMAT MATA PELAJARAN GEOGRAFI**

Kurikulum geografi membolehkan murid memahami fenomena geografi berfokus kepada negara Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara lain supaya dapat melahirkan murid yang berilmu, bertanggungjawab, bersyukur dan mengenali serta mencintai negara Malaysia. Selain itu, pada peringkat KSSM, ianya bermatlamat melahirkan insan bermaklumat geografi yang berupaya berinteraksi dengan persekitaran secara berhemah ke arah kelestarian alam dan kesejahteraan hidup (KPM 2016).

### **Objektif**

Kurikulum geografi sekolah menengah membolehkan murid:

1. Menerangkan ciri-ciri geografi negara Malaysia yang unik dan istimewa.
2. Mengenal pasti ciri fizikal, manusia dan fenomena alam di Asia Tenggara, Asia dan dunia.
3. Membincangkan kesan kegiatan manusia ke atas alam sekitar.

4. Menghubungkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan ilmu Geografi.
5. Menggunakan kemahiran geografi dalam kehidupan.
6. Menjelaskan amalan sikap menghargai kualiti alam sekitar setempat, wilayah dan global.
7. Menggabungkan ilmu geografi dalam mengurus sumber dan alam sekitar secara bijaksana dan bertanggungjawab.

## KANDUNGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1

Pelajar tingkatan 1 yang mengambil subjek Geografi pada tahun 2019 adalah pelajar kumpulan ketiga yang menggunakan KSSM bagi menggantikan KBSM setelah kumpulan pertama yang menggunakan KSSM bermula pada tahun 2017. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa.

Kurikulum ini dijelmakan dalam KSSM melalui penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang merangkumi tiga standard iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. DSKP Geografi merupakan dokumen yang wajib dirujuk oleh guru semasa melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi mencapai hasrat KPM. Kandungan mata pelajaran geografi terbahagi kepada lima bahagian iaitu:

Bahagian 1: Kemahiran Geografi

Bahagian 2: Geografi Fizikal

Bahagian 3: Geografi Manusia

Bahagian 4: Geografi Kawasan

Bahagian 5: Isu-isu dan Pengurusan Alam Sekitar.

Jadual 1: *Tajuk-Tajuk KSSM Geografi Tingkatan 1*

<b>Bahagian 1: Kemahiran Geografi</b> Bab 1: Arah Bab 2: Kedudukan Bab 3: Peta Lakar Bab 4: Lakaran Peta Malaysia
<b>Bahagian 2: Geografi Fizikal: Bentuk Muka Bumi dan Saliran</b> Bab 5: Bumi Bab 6: Bentuk Muka Bumi Bab 7: Saliran
<b>Bahagian 3: Geografi Manusia: Penduduk dan Petempatan</b> Bab 8: Penduduk di Malaysia Bab 9: Petempatan di Malaysia
<b>Bahagian 4: Geografi Kawasan.</b> Bab 10: Bentuk Muka Bumi dan Saliran di Asia Tenggara Bab 11: Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara
<b>Bahagian 5: Isu dan Pengurusan Alam Sekitar</b> Bab 12: Sumber Air Bab 13: Sisa Domestik
Kerja Lapangan

## PENERAPAN ILMU WAHYU DALAM MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1

Penerapan ilmu wahyu dalam mata pelajaran geografi di sekolah adalah berlandaskan kepada untuk mengintegrasikan ilmu. Habib (2012) menjelaskan sumber kurikulum geografi diperkukuhkan dengan mengambil sumber dari Al-Quran untuk disepadukan dalam mata pelajaran geografi. Lebih terang dan jelas dalam Al-Quran terdapat banyak pengajaran ayat Allah SWT atau ilmu wahyu yang diketengahkan tentang kejadian alam semesta yang indah dan ajaib kejadiannya bagi menunjukkan tanda kebesaran Allah (Kamarul & Nurliyana 2013). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahwa Al Quran itu adalah benar. Tiadakah cukup bahwa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?”*

*(Surah Fussilat :53)*

Kaedah ini merupakan satu sumber kurikulum yang harus dipertimbangkan bagi mereka bentuk kurikulum yang bersifat abadi dan mempunyai unsur kerohanian atau ketuhanan (Orustein & Hunkins 1998). Penggunaan ilmu wahyu sebagai bahan kurikulum untuk menjelaskan beberapa tajuk berkaitan geografi akan memantapkan lagi keberkesanan kurikulum. Bahagian ini akan meneliti potensi penerapan ilmu wahyu dalam mata pelajaran geografi tingkatan 1. Huraian akan dilakukan dengan mengikut tema-tema iaitu kemahiran geografi, geografi manusia, geografi fizikal dan isu dan pengurusan alam sekitar.

### KEMAHIRAN GEOGRAFI

Kemahiran geografi digubal bertujuan untuk membolehkan murid mengkaji dan menghubungkan arah yang merangkumi arah mata angin dan bering sudut, kedudukan yang meliputi kedudukan relatif dan kedudukan berasaskan latitud dan longitud sesuatu tempat, peta lakar dan lakaran peta Malaysia.

#### Arah

Dalam bahagian ini pelajar diharap dapat mengenal pasti lapan arah mata angin. Arah mata angin yang diajar ialah utara, timur, selatan dan barat. Di samping itu juga mereka diajar untuk mengenali arah mata angin perantaraan iaitu timur laut, tenggara, barat daya dan barat laut. Pelajar diperjelaskan bagaimana menggunakan matahari sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin. Dalam konteks ini, tenaga pengajar boleh menerapkan bagaimana untuk solat kita perlu tahu arah kiblat dan kejadian kiamat akan berlaku apabila matahari muncul dari barat. Pelajar diajar menggunakan kompas untuk menentukan mata angin. Dalam hal ini Allah SWT menjelaskan kepentingan menentukan arah untuk mengetahui kiblat untuk solat matahari serta bulan sebagai panduan kepada manusia menentukan tarikh dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan kepunyaan Allah-lah timur dan barat, maka ke mana pun kamu menghadap di situlah wajah Allah. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya) lagi Maha Mengetahui.”*

*(Surah al-Baqarah: 115)*

*“Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan-Nya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan (waktu). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya) kepada orang-orang yang mengetahui”*

*(Surah Yunus: 5)*

Pelajar didedahkan cara menentukan arah mata angin menggunakan matahari dan teknologi terkini iaitu kompas. Tujuan penggunaan kompas adalah untuk mengorientasikan alatan ini supaya pelajar faham mengenal pasti arah. Kompas merupakan alat bantuan untuk menentukan arah sebenar di muka bumi dan alat yang paling tepat untuk menunjukkan arah di muka bumi. Apabila mereka memahami cara penggunaan kompas dengan sendiri mereka boleh mengaplikasikan ilmu ini dalam kehidupan mereka termasuk dalam menentukan arah kiblat sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan dari mana saja kamu keluar (datang), maka palingkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram, sesungguhnya ketentuan itu benar-benar sesuatu yang hak dari Tuhanmu. Dan Allah sekali-kali tidak lengah dari apa yang kamu kerjakan”*

*(Surah al-Baqarah : 149)*

### **Kedudukan**

Kedudukan merupakan kemahiran yang diajar kepada pelajar Geografi, Kedudukan ialah tempat letaknya sesuatu objek dalam sesuatu kawasan. Kedudukan ini ditentukan melalui kedudukan relatif dan kedudukan berdasarkan latitud dan longitud. Dalam konteks ini sebaiknya pelajar didedahkan kepada pertanyaan kedudukan masjid. Ini adalah kerana masjid merupakan tempat yang utama bagi umat Islam sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

*“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”*

*(Surah al-Taubah: 18)*

Peta lakar merupakan gambaran permukaan bumi yang dilukis dari pandangan atas. Peta lakar menggambarkan ciri-ciri sama ada budaya dan fizikal yang terdapat dalam sesuatu kawasan. Penerapan tentang nilai murni dan agama boleh diterapkan dengan melakar kedudukan masjid dari rumah dan lakaran persekitaran masjid itu sendiri.

## **GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN**

Geografi fizikal membincangkan tentang keadaan fizikal bumi berdasarkan tema bumi, bentuk muka bumi dan saliran. Bahagian ini membolehkan murid mengetahui tentang ciri-ciri serta proses pembentukan permukaan dan lapisan bumi, kejadian serta fenomena serta melihat sejauh mana alam sekitar fizikal bumi dipengaruhi oleh kegiatan manusia.

### **Bumi**

Bumi adalah planet yang terbentuk sfera dan mempunyai keluasan permukaan 510 juta km persegi. Di bumi wujudnya sistem fizikal bumi, struktur bumi, benua, laut, selat dan kesan pergerakan bumi. Bumi merupakan tempat kediaman manusia, tempat manusia mencari pahala untuk menuju ke akhirat nanti sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja) dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal”*

*(Surah Ghafir: 39)*

Kepelbagaian struktur dan lapisan muka bumi dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmannya yang bermaksud:

*“Dan di bumi ini terdapat bagian-bagian yang berdampingan, dan kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pohon korma yang bercabang dan yang tidak bercabang, disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanam-tanaman itu atas sebahagian yang*

*lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir”*

*(Surah al-Ra'd: 4)*

### **Saliran**

Di samping itu, pelajar juga diajar tentang benua, lautan dan laut utama dan selat yang terdapat di dunia ini. Benua merupakan daratan yang amat luas yang terdapat di dunia ini dan sebagai tempat manusia tinggal. Terdapat tujuh benua iaitu Asia, Afrika, Amerika Utara, Amerika Selatan, Antartika, Eropah dan Australia. Setiap benua ini terdiri daripada penduduk yang pelbagai dan mempunyai perbezaan dari aspek agama, ekonomi dan cara hidup. Dalam konteks ini keperluan untuk manusia mengenali antara satu sama lain. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

*(Surah Al-hujurat: 13)*

Lautan turut diperkenalkan kepada pelajar yang terdiri daripada lautan Pasifik, Lautan Artik, Lautan Atlantik, Lautan Hindi, Lautan Selatan, Laut China Selatan, Laut Sulu, Selat Melaka dan Selat Tebrau. Penerapan ilmu wahyu tentang kejadian lautan disebut dalam Al-Quran dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Dialah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur”*

*(Surah al-Nahl: 14)*

Permukaan bumi terdiri daripada pelbagai lapisan kerak bumi. Pergerakan kerak bumi menghasilkan proses pertembungan dan pencapahan. Proses ini menghasilkan bentuk muka bumi seperti hanyutan benua, gunung, gempa bumi, gunung berapi. Kejadian bentuk muka bumi yang banyak ini membuktikan kebesaran dan kehebatan Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya”*

*(Surah al-Naba': 7)*

Pelajar di tingkatan 1 turut diajar tentang saliran. Saliran merujuk kepada sungai dan tasik iaitu saliran utama di Malaysia. Air diperoleh daripada saliran dan merupakan keperluan penting kepada manusia untuk pelbagai keperluan. Kepentingan saliran digunakan untuk pengairan, rekreasi dan pelancongan, pengangkutan dan perhubungan serta kegunaan domestik. Malah Allah SWT menegaskan bahawa air adalah sumber kehidupan sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

*“..... Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?”*

*(Surah al-Anbiya': 30)*

Al-Quran juga turut menjelaskan bahawa sungai-sungai diciptakan Allah SWT sebagai jalan pengangkutan dan perhubungan manusia dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Dia menancapkan gunung-gunung di bumi supaya bumi itu tidak goncang bersama kamu, (dan Dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk”*

*(Surah al-Nahl : 15)*

## GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN

Geografi manusia mengkaji tentang corak dan kedinamikan aktiviti manusia serta hubung kaitnya dengan alam sekitar fizikal. Geografi manusia dalam tingkatan 1 merangkumi dua tema iaitu penduduk dan petempatan. Tema penduduk yang diajar merangkumi taburan penduduk dan faktor yang mempengaruhinya. Tema petempatan pula merangkumi jenis, pola dan fungsi petempatan.

### Penduduk

Penduduk di Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Mereka tinggal di pelbagai kawasan sama ada di bandar atau luar bandar. Taburan penduduk juga tidak sama ada yang padat, sederhana dan jarang. Pelbagai faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia antaranya faktor fizikal, faktor ekonomi dan sosial serta dasar kerajaan. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya (menghidupkan kamu semula), bahawa Dia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi.*

*(Surah al-Rum: 20)*

*“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara...”*

*(Surah Ali-Imran: 103)*

Pertambahan penduduk di Malaysia berlaku sepanjang tahun dan keadaan ini menyebabkan berlaku perubahan dan pertambahan kawasan kediaman dan petempatan.

### Petempatan

Petempatan merujuk kepada kawasan yang ditempatkan atau menempatkan sekumpulan orang atau penduduk. Tempat kediaman ini mempunyai penduduk dan dikelilingi oleh persekitaran manusia dan semula jadi. Secara umumnya, jenis petempatan terdiri daripada dua iaitu petempatan bandar dan luar bandar. Pola petempatan pula terdiri daripada empat iaitu pola berpusat, berkelompok, berjajar dan berselerak. Kediaman dan petempatan yang selesa amat penting dalam kehidupan bagi memberi kebahagiaan. Hal ini dijelaskan oleh Al-Quran dalam yang bermaksud:

*“Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumahmu sebagai tempat tinggal dan Dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah (kemah-kemah) dari kulit binatang ternak yang kamu merasa ringan (membawa)nya di waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim dan (dijadikan-Nya pula) dari bulu domba, bulu unta dan bulu kambing, alat-alat rumah tangga dan perhiasan (yang kamu pakai) sampai waktu (tertentu)”*

*(Surah al-Nahl: 80)*

## ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Isu dan pengurusan alam sekitar dalam kurikulum Geografi membincangkan topik sumber air dan sisa domestik. Sumber air yang terdapat dalam kandungan DSKP ialah jenis sumber air, punca, kesan dan langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air di Malaysia. Tema sisa domestik pula merangkumi jenis dan contoh sisa domestik, kesan pembuangan sisa domestik dan langkah-langkah mengurangkannya di Malaysia. Melalui tema ini diharap dapat melahirkan murid yang mencintai dan menghargai alam sekitar.

### Sumber Air

Sumber air adalah sumber yang terpenting dalam kehidupan manusia. Sumber air diperoleh daripada air permukaan iaitu sungai dan tasik dan air bawah tanah (telaga). Sumber air permukaan membekalkan 97 peratus sumber air di Malaysia dan hampir 150 lembangan sungai utama di Malaysia yang membekalkan sumber air untuk penduduk. Dalam konteks ini pelajar boleh didedahkan kepada kepentingan air untuk membersihkan diri seperti mandi dan untuk solat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu berjunub (berhadap besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu) yang bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur”*

(surah al-Maidah: 6)

Namun begitu, pada masa kini sumber air juga mengalami krisis air. Krisis air merujuk kepada situasi kekurangan bekalan air yang dapat digunakan oleh penduduk. Krisis air sering berlaku di bandar-bandar besar di Malaysia. Chan (2002) menjelaskan krisis air berlaku pada tahun 1977/78 di Kedah dan Perlis, 1991 di Melaka, 1997/98 di Lembah Kelang, di Pulau Pinang dan awal tahun 2002 di Melaka dan Selangor pada tahun 2013 (Hamirdin, Mujirah dan Nordin (2014). Kepadatan penduduk yang ramai menyebabkan permintaan air yang juga meningkat. Krisis air berlaku disebabkan oleh banyak faktor seperti fenomena cuaca, pembuangan sampah sarap ke dalam sungai, peningkatan jumlah populasi penduduk, permintaan yang tinggi dalam sektor perindustrian dan penebangan hutan yang ketara di kawasan tadahan air. Sehubungan itu langkah berjimat amat penting dalam mengatasi kekurangan air sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“ Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut sukatan (yang telah ditentukan).*

(Surah al-Qamar: 49)

Allah juga turut mengingatkan manusia bahawa kerosakan muka bumi ini adalah akibat kerakusan manusia dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”*.

(Surah al-Rum: 41)

### Sisa Domestik

Sisa domestik merupakan bab terakhir yang diajar dalam kandungan kurikulum Geografi tingkatan 1. Sisa domestik merujuk kepada sisa-sisa yang tidak digunakan lagi yang terhasil dari kawasan perumahan. Sisa domestik ini mempunyai sifat kotor dan tidak berguna kepada manusia dan alam sekitar. Sisa domestik terdiri daripada bahan organik dan bukan organik. Sisa domestik juga terdiri daripada sisa pepejal dan cecair. Pertambahan sisa domestik amat berkorelasi dengan pertambahan penduduk, proses pambandan dan perindustrian (Hasnah, Dody, Noraziah, Maznah, Sarifah, 2012). Kesan daripada pembuangan sisa domestik ini



menyebabkan berlaku pencemaran, wabak penyakit, banjir kilat dan meningkatnya kos penyelenggaraan. Islam adalah agama kebersihan dan agama ini amat mementingkan kebersihan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“..... Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang tobat dan menyukai orang-orang yang menyucikan diri.

(Surah al-Baqarah: 222)

## KESIMPULAN

Pembentukan kurikulum Geografi bukan digubal berdasarkan ilmu pengetahuan semata-mata. Penggubalan kurikulum ini turut mengambil kira penguasaan kemahiran dan penerapan nilai. Nilai agama dan penerapan ilmu wahyu dalam subjek geografi secara tidak langsung melahirkan murid yang berpengetahuan dan melihat pencipta sebagai yang utama. Dalam aspek ini pelajar perlu mengetahui bahawa agama Islam itu syumul dan merangkumi semua perkara. Melalui penerapan ilmu wahyu ini memberi kesedaran dan kepentingan kepada pelajar untuk mengamalkannya. Nilai agama, murni dan kerohanian ini menjadi amalan dalam kehidupan harian. Keseluruhannya didapati bahawa amat penting penerapan ilmu wahyu dalam mata pelajaran geografi. Pengetahuan dan kesedaran yang tinggi dan keupayaan menghubungkan kedua-dua ilmu dalam PdP akan menjadikan PdP lebih menarik dan meningkatkan pengetahuan kepada pelajar. Habib (2012) menjelaskan pemilihan bahan kurikulum berpaksikan sumber Al-Quran dapat mencetuskan kesedaran untuk melahirkan pelajar yang kreatif dan mempunyai roh.

## RUJUKAN

Al-Quran

- Chan Ngai Weng (2002) *Pembangunan, Pemandaran dan Peningkatan Bahaya dan Bencana Air di Malaysia: Isu, Pengurusan dan Cabaran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Nurliyana Ahmad Zawawi (2013) *Al-Quran dan Geografi*. Dalam Kamarul Azmi Jasni (Editor) *Sains Asas, Fizik, Kimia & Geografi*. Johor Bahru. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Geografi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Habib M. Som (2012) *Penggunaan Sumber Berasaskan Al-Quran dalam Pengajaran Geografi: Satu Perbincangan*. Jurnal Perspektif. Vol 4 No 1, 46-58.
- Hamirdin Ithnin, Mujirah Mokmin & Nordin Sakke (2014) *The Controversy of The 2013 Severe Water Disruptions in Selangor, Malaysia: A Critical Analysis*. Jurnal Perspektif. Jil 6 No 1, 96-108.
- Hasnah Ali, Dody Dermawan, Noraziah Ali, Maznah Ibrahim & Sarifah Yaacob (2012) *Masyarakat dan amalan pengurusan sisa pepejal ke arah kelestarian komuniti: Kes isi rumah wanita di Bandar Baru Bangi, Malaysia*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 5 pp 64 – 75.
- Hisham Azman bin Ibrahim & Mohamand Khairun Fitri bin Ahmad (2017) *Buku Teks Geografi Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Era Visi Sdn Bhd.
- Mazdi Marzuki & Mohmadisa Hashim (2006) *Geografi & Alam Sekitar dalam Pendidikan Negara*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Orustein, A,C & Hunkins, F (1998) *Curriculum, foundation, principles and issues*. London: Allyn & Bacon.